

# AKAD DALAM ISLAM

---

# KONTRAK PERTUKARAN

*Bay' al-Murabahah*

*Bay' al-Salam*

*Bay' al-Istisna*

*Bay' al-Dayn*

*Bay' al-Sarf*

*Bay' al-'Inah*

*Bay' al-Tawarruq*

## Rukun Kontrak

Pihak Berakad

Barang

Sighah

# BAY' AL-MURABAHAH

Jual beli sesuatu barang pada harga kos bersama tambahan margin keuntungan, seperti menjual sesuatu barang berharga RM100 dengan harga kos dan ditambah pula margin keuntungan sebanyak RM10 yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Murabahah adalah salah satu bentuk jual beli yang bersifat amanah.

Definisi murabahah (secara fiqh) adalah akad jual-beli atas barang tertentu dimana dalam jua-beli tersebut penjual menyebutkan dengan jelas barang yang diperjual belikan termasuk harga pembelian dan keuntungan yang diambil.

“Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...”

(QS. Al Baqarah ayat 275) “

Sesungguhnya jual beli itu harus dilakukan secara suka sama suka” (HR. Al Baihaqi, Ibnu Majah, dan shahih menurut Ibnu Hibban)

## RUKUN

1. Ada penjual.
2. Ada pembeli.
3. Ada objek yg akan dijual-belikan (tangible)
4. Ada harga jual yg disepakati kedua belah pihak.
5. Akad jual beli.

## SYARAT

1. Pembeli dan penjual dalam keadaan cakap hukum.
2. Barang yang dijual tidak termasuk kategori yang diharamkan
3. Barang yang dijual sesuai dengan spesifikasi pembeli.
4. Barang yang dijual secara hukum sah dimiliki penjual.

Murabahah adalah merujuk kepada transaksi pembelian dan penjualan di mana harga kos aset dan margin keuntungan telah diketahui oleh pembeli dan dipersetujui oleh pihak yang berkontrak.

Pembayaran harga jualan boleh dibuat secara penuh atau secara berperingkat.

# BAY' AL-SALAM

Jual beli sesuatu barang secara tangguh dengan bayaran harga secara tunai, seperti menjual barang yang telah disifatkan butiran bentuk, spesifikasi, kualiti dan kuantiti secara terperinci dengan bayaran harganya dibuat secara tunai, manakala penyerahan barang ditangguhkan pada suatu masa yang ditetapkan.

# PENGERTIAN ETIMOLOGI :

Secara etimologi, salam adalah salaf (pen-dahulu-an) = sesuatu yang didahulukan.

Dalam konteks ini, jual beli salam/salaf ; di mana harga/uangnya didahulukan, sedangkan barangnya diserahkan kemudian.

Menurut bahasa Arab, as-salam (السلام) disebut juga dalam perkataan as-salaf (السلف) iaitu mendahulukan.

Jualan yang dimaksudkan al-salaf ialah jual beli dengan bayaran harganya secara tunai semasa akad

Dan penyerahan barang ditangguh sehingga kesatu masa yang ditetapkan

# RUKUN SALAM

Pembeli (المُسْلِم) orang yang mendahulukan wangnya untuk mendapatkan barang yang dikehendaki.

Penjual (المُسْلِم إِلَيْه) orang yang menerima wang sebagai bayaran

Sighah (صَيْغَة إِيْجَاب وَقَبْوَل) penawaran dan persetujuan

Harga

barang

Sighah: akad hendaklah dengan perkataan salam.

Harga: pembayaran harga hendaklah dengan segera (tunai), jika harga itu bukan dengan wang tetapi dalam bentuk barang, maka hendaklah kita ketahui berapa jumlahnya.

Barang jualan al-salam: hanya dibolehkan pada barang-barang yang dapat disifatkan secara tepat.

Dan yang penting sekali Bay Salam ini ialah barangnya itu hendaklah barang yang boleh dijual beli bukan barang ribawi

Hendaklah ditetapkan sifat-sifat asasi bagi barang yang dijual beli

Ditetapkan jumlah barang yang dijual beli,

penyerahan barang hendaklah ditentukan dalam masa yang tepat dan tempat penyerahan barang yang dijual beli

Bay Salam adalah merujuk kepada jual beli aset dengan spesifikasi tertentu.

Pembayaran harga perlu dibuat ketika kontrak Salam dimeterai manakala aset akan diserahkan kepada suatu masa yang ditetapkan

# DALIL SYARIAH JUAL BELI SALAM

Firman Allah QS. al-Baqarah [2]: 282:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَآعَيْتُم بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوهُ...

"Hai orang yang beriman! Jika kamu bermu'amalah tidak secara tunai sampai waktu tertentu, buatlah secara tertulis...".

2. Firman Allah QS. al-Ma'idah [5]: 1:

... يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُهُودِ

“Hai orang yang beriman! Penuhilah akad-akad itu....”

# HADITS NABI MUHAMMAD SAW

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّمَا الْبَيْعُ عَنْ تَرَاضٍ، (رواه البيهقي وابن ماجه)  
(وصححه ابن حبان)

“Dari Abu Sa'id Al-Khudri bahwa Rasulullah SAW bersabda, ‘Sesungguhnya jual beli itu harus dilakukan suka sama suka.’” (HR. al-Baihaqi dan Ibnu Majah, serta dinilai shahih oleh Ibnu Hibban).

## HADIS RIWAYAT BUKHARI DARI IBN 'ABBAS, NABI BERSABDA:

مَنْ أَسْلَفَ فِي شَيْءٍ فَفِي كُلِّ مَعْلُومٍ وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ

"Barang siapa melakukannya salaf (salam), hendaknya ia melakukan dengan takaran yang jelas dan timbangan yang jelas, untuk jangka waktu yang diketahui" (HR. Bukhari, Sahih al-Bukhari [Beirut: Dar al-Fikr, 1955], jilid 2, h. 36).

Hadis Nabi riwayat jama'ah:


مَطْلُ الْغَنِيٌّ ظُلْمٌ...

“Menunda-nunda (pembayaran) yang dilakukan oleh orang mampu adalah suatu kezaliman...”

Hadis Nabi riwayat Nasa'i, Abu Dawud, Ibu Majah, dan Ahmad:

لَيْلَ الْوَاجِدِ يُحْلِلُ عِرْضَهُ وَعُقُوبَتَهُ.

“Menunda-nunda (pembayaran) yang dilakukan oleh orang mampu menghalalkan harga diri dan pemberian sanksi kepadanya.”



# BAY' AL-ISTISNA

Jual beli dalam bentuk tempahan perbuatan barang tertentu dengan spesifikasi yang tertentu yang menghendaki penjual, pemaju, pengilang atau orang lain membuatkan barang yang ditempah tersebut untuk pembeli.

Istisna' merupakan transaksi jual beli yang melibatkan pembuatan, penghasilan atau pembinaan aset tertentu berdasarkan kepada spesifikasi aset dan syarat yang telah dipersetujui oleh al-Mustasni' (pembeli) dan al-Sani' (penjual/pengeluar). Harga aset dan cara pembayaran (sama ada secara pendahuluan atau ansuran) juga memerlukan kepada persetujuan di antara pihak berkontrak ketika kontrak dimeterai.

Secara etimologi istishna' berarti minta dibuatkan.

Secara terminologi berarti , “suatu kontrak jual beli antara pembeli (mustasni”) dan penjual (shani”) di mana pembeli memesan barang (mashnu”) dengan kriteria yang jelas dan harganya dapat diserahkan secara bertahap”.

## Contohnya:

- Seorang pembeli menempah sebuah meja makan dengan seorang penjual dengan harga RM1000 untuk disiap dan diserahkan dalam tempoh masa sebulan
  
- Penjual hendaklah menyerahkan meja itu pada tarikh yang ditetapkan semasa akad berkenaan

# DASAR HUKUM BAYAL-ISTISNA'

## Al Qur'an

"Hai orang —orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya.... ...." (Al Baqarah:282)

## Al Hadits

Dari Shuhayib r.a bahwa Rasulullah SAW bersabda :

"Tiga hal yang di dalamnya terdapat keberkahan : jual beli secara tangguh, muqarradahah(mudharabah), dan mencampur gandum dengan tepung untuk keperluan rumah, bukan untuk dijual." (hr Ibnu Majah)

ثلاثة فيهن البركة : المقارضة والبيع الى اجل وخلط البر بالشعير للبيت لا للبيع (ابن ماجه)

# RUKUN : SAMA DENGAN RUKUN-RUKUN DAN SYARAT-SYARAT JUAL BELI



# HUKUM TEMPAHAN

Tempahan adalah sejenis jual beli yang sah dan halal

- Berdasarkan kepada jualan al-salam, al-Istisna' dan kebiasaan orang ramai mengamalkannya sepanjang zaman.

Penempah hendaklah menentukan jenis, rupa, bentuk, sifat dan jumlah atau banyaknya barang yang ditempah.

Barang yang ditempah hendaklah daripada jenis barang yang biasa dijual beli secara tempahan orang ramai

Boleh ditentukan tempoh masa bagi menyiap dan menyerahkan barang yang ditempah.

Bahan-bahan untuk membuat barang itu hendaklah daripada pihak tukang. Jika bahan-bahan itu daripada pihak penempah maka ia bukanlah tempahan tetapi upahan.

Tukang boleh menjual barang yang dibuat oleh orang lain yang mempunyai sifat-sifat dan spesifikasi yang sama seperti yang dikehendaki oleh penempah

Tukang juga boleh menjual barang yang sudah siap dibuat sebelum penempah membuat tempahannya dan barang yang sudah siap itu hendaklah mempunyai sifat-sifat dan spesifikasinya yang sama seperti yang dikehendaki oleh penempah

Oleh kerana barang yang ditempah itu dibuat khas untuk penempah, maka dengan persetujuan antara tukang dan penempah, harganya boleh berbeza daripada harga barang-barang lain yang sedia ada yang sama jenis dan spesifikasi


# HARGA BARANG YANG DITEMPAH ITU BOLEH DIBAYAR:

Kesemuanya semasa akad

Kesemuanya semasa penyerahan barang

Separuhnya semasa akad dan separuh yang baki itu semasa penyerahan barang (bayar ‘deposit’)

Kesemuanya secara ansuran mengikut persetujuan antara kedua-dua bleh pihak penempah dan tukang



# PERBANDINGAN ANTARA BAY AL-SALAM & BAY AL-ISTISNA':

Perkara	Salam	Istisna'	Keterangan
Pokok kontrak Pembeli Penjual	Muslam fiih Muslim Muslam ilaih	Mashnu Mustashni' Shani'i	Barang ditangguhkan dgn spesifikasi
Harga	Dibayar ketika kontrak dimeterai	Dibayar ketika kontrak dimeterai atau selepas itu	Cara penyelesaian pembayaran merupakan perbezaan utama antara istisna' dan salam.
Produk	Umumnya pada pemesanan barang yang tidak bisa dibuat oleh penerima pesan	Umumnya pada pemesanan barang yang dapat dibuat oleh penerima pesan	Contoh Salam : hasil pertanian, perikanan dan peternakan Contoh istisna' : bangunan, pakaian, furniture, jalan raya

# BAY' AL-DAYN

Jual beli hutang. Ia merujuk kepada penjualan hutang yang timbul daripada transaksi perdagangan dalam bentuk jualan bayaran tertangguh.

Istilah al-dayn dari segi bahasa berasal dari perkataan ( دان ) yang bermaksud tunduk ( خضع ), patuh ( اذل ) dan taat ( اطاع ). Ia merujuk kepada sesuatu yang berbentuk harta yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang lain yang menghendakkan orang yang diberikan harta tersebut untuk memulangkan dan mengembalikan harta tersebut kepadanya (yang memberi) semula .

Perkataan dayn menurut perundangan Islam mencakupi ruang lingkup yang amat luas iaitu:

bayaran kepada harga barang,

bayaran kepada qard (hutang),

bayaran mahr (maskahwin) selepas isteri disetubuh atau sebelumnya (iaitu mahar yang belum dibayar selepas akad nikah),

bayaran sewa,

ganti rugi yang mesti dibayar kerana jenayah,

ganti rugi atas kerosakan yang dilakukan, jumlah wang yang mesti dibayar kerana tebus talak dan barang pesanan yang belum sampai (muslam fih). Maksudnya, hutang itu tidak semestinya dalam bentuk harta semata-mata bahkan merangkumi segala sesuatu yang sabit dalam tanggungan seseorang sama ada berupa harta atau hak.

Bay' al-dayn ditakrifkan sebagai menjual hutang yang telah sabit pada tanggungjawab seseorang bagi melepaskan tanggungan orang yang berhutang tersebut atau menjual hutang yang sabit pada tanggungjawab seseorang kepada pihak yang ketiga. Dalam erti kata yang lain ia bermaksud satu kontrak jual beli di mana seseorang yang berhutang menjual hak hutangnya ke atas si pemberi hutang sama ada kepada orang yang memberi hutang itu sendiri atau kepada pihak yang ketiga.

penjual hutang akan menjual hutangnya pada harga diskaun kerana pembeli sama ada pemberi hutang atau pihak ketiga tidak akan membeli hutang tersebut jika harga tidak dikurangkan. kontrak bay' al-dayn ini boleh dikategorikan sebagai salah satu daripada kontrak jual beli dalam Islam iaitu jual beli diskaun (bay' al-wad'iyyah) atau juga sebagai jualan pada harga kos (bay' al-tawliyah) jika pembeli membeli hutang tersebut pada harga kos.

Kontrak bay' al-dayn menjadi isu perdebatan dan perselisihan pendapat di kalangan fuqaha silam dan juga semasa dari segi keharusan penggunaannya. Namun begitu, tiada nas umum atau kata sepakat (ijmak) di kalangan para fuqaha tentang pengharamannya secara mutlak<sup>19</sup> kecuali fuqaha mazhab al-

Zahiriyyah yang mengharamkan secara mutlak jual beli hutang dengan hutang dalam semua bentuk dan keadaannya. Jumhur fuqaha pula mengharuskan sebahagian bentuk jual beli bay' al-dayn dan mereka menegahnya dalam beberapa keadaan yang tertentu. Terdapat lapan bentuk dan keadaan bay' al-dayn yang mempunyai hukumnya yang tersendiri berdasarkan situasinya.

Hadir Rasulullah SAW ada menerangkan tentang larangan jual beli hutang. Saidina Umar al-Khattab r.a pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda : أَنَّ رَسُولَ الْأَهْلَلِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُنَّا عَنِ بَيْعِ الْكَالَىٰ بِالْكَالَىٰ . “Sesungguhnya Rasulullah saw melarang jual beli secara hutang yang dibayar dengan hutang”

Al-Syawkani turut menjelaskan bahawa hadis ini melarang jual beli hutang dengan hutang yang disepakati secara ijmak. Jumhur fuqaha mengharuskan penerima hutang menjual hutangnya kepada pembiutang (orang yang memberi hutang) dengan alasan hutang tersebut akan kembali kepada dirinya dan kerana tidak wujud unsur gharar dalam transaksi tersebut. Namun begitu, para fuqaha berbeza pendapat tentang jualan hutang kepada pihak ketiga dengan alasan penjual tidak berupaya menyerahkan perkara (barang) yang dijual kepada pembeli. Selain itu, sebab kebanyakan fuqaha tidak mengharuskan bay' al-dayn ialah kerana risiko yang berlaku kepada pembeli, gharar, tidak berlaku qabd dan wujudnya unsur riba dalam transaksinya.

# BAY'AL-SARF

Jual beli mata wang dengan mata wang yang sama atau berbeza jenis, seperti menjual emas dengan emas, perak dengan perak atau emas dengan perak, ringgit Malaysia dengan rial Saudi dan sebagainya.

Syarat: Transaksi ini mesti berlaku secara tunai (Cash/On Spot Basis).

Contoh Produk: Pertukaran mata wang asing (FOREX).

# BAY'AL-'INAH

Jual beli yang berlaku antara penjual dan pembeli, di mana penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga tangguh lebih tinggi, kemudian penjual membeli semula aset tersebut daripada pembeli dengan harga tunai yang lebih rendah. Keadaan sebaliknya boleh berlaku.

Jual beli sesuatu aset dimana penjual menjual kepada pembeli aset tersebut dan kemudian penjual tersebut membeli semula aset yang sama daripada pembeli yang sama.

Contoh Produk : Personal Financing-i, Term Financing-i & Cash Line-i.

Bay `Inah adalah merujuk kepada pembiayaan yang melibatkan akad jual beli yang disusuli dengan pembelian semula oleh penjual pada harga yang berbeza.

Di dalam transaksi ini, penjual menjual aset kepada pembeli secara pembayaran tertangguh dan kemudian membelinya semula secara tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan secara tertangguh.

Di Bank Rakyat, aset pendasar yang digunakan adalah komoditi yang dibeli daripada Bursa Suq As-Sila' (BSAS).

## TAKRIF BAY‘ AL-‘INAH DAN HUKUMNYA MENURUT PANDANGAN ULAMA

Pada keseluruhannya, takrif bay‘ al-‘inah menurut perspektif mazhab dan ulama kontemporari adalah hampir sama. Oleh itu, berikut dikemukakan takrifnya menurut

Mazhab Syafie iaitu: seseorang (A) menjual suatu barang kepada seorang yang lain (B), dengan harga bertangguh dan menyerahkan barang tersebut kepadanya (B), kemudian dia (A) membelinya semula sebelum menerima harga barang, dengan harga yang lebih rendah secara tunai. Jumhur Ashab Syafi‘iyyah berpandangan hukumnya adalah harus sama ada telah menjadi adat bagi seseorang dan tersebarnya muamalat ini di negaranya atau tidak.

Adapun Abu Ishaq al-Asfirayaini dan Syaikh Abu Muhammad berpendapat jika muamalat ini telah menjadi kebiasaan seseorang, jual beli yang kedua menjadi disyaratkan pada akad yang pertama, maka kedua-dua akad itu terbatal. Namun, jika terdapat syarat di dalam akad yang menetapkan bahawa barang tersebut mesti dijual semula maka jual beli tersebut adalah terbatal tanpa khilaf.

Walaubagai manapun, Imam Syafie berpendirian seperti imam-imam yang lain iaitu akad tersebut terbatal jika terdapat pada akad tersebut petunjuk wujudnya tujuan hilah melakukan riba. Tetapi jika perkara tersebut tidak wujud, maka akadnya adalah sah kerana ia merupakan jual beli yang sempurna rukun dan tidak boleh mentohmah orang lain dalam urusan mereka bahkan hendaklah diserahkan kepada Allah dalam menghitung akan niat mereka. Adapun jumhur ulama yang terdiri daripada Imam Abu Hanifah, Malik dan Ahmad bin Hanbal menolak keharusan bay' al-'inah walaupun asas penolakan adalah berbeza antara satu sama lain.

# HUJAH GOLONGAN YANG MENERIMA KEHARUSAN BAY‘ AL-‘INAH

1. Hukum Asal Jual Beli Ibn Hazm menyatakan bahawa hukum asal jual beli adalah harus berdasarkan firman Allah SWT:

وأحل الله البيع وحرّم الربا“ Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”

[Al-Baqarah : 275]

Maka, hukum bay‘ al-‘inah adalah harus kerana ia merupakan satu bentuk jual beli.

## 2. Hadis Tamar Janib

عن أبي سعيد و أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم استعمل رجلا على خير فجاءه بتمر جنيب. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : أكل تمر خير هكذا؟ قال : إنما لتأخذ الصاع من هذا بالصاعين ، والصاعين بالثلاثة . فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : لا تفعل ، بع الجمع بالدرهم ثم ابتع بالدراهم جنبيا.

Terjemahan:

Daripada Abi Sa'id dan Abi Hurairah: Bahawa Rasulullah s.a.w. telah melantik seorang lelaki (sebagai wakilnya) di Khaibar . Lalu dia mendatangi baginda dengan membawa tamar janib . Nabi bertanya kepadanya, "Adakah semua tamar di Khaibar begini keadaannya?" Lelaki itu menjawab, "Kami mengambil segantang tamar ini (janib) dengan dua gantang (tamar al-jam') dan dua gantang (tamar janib) dengan tiga gantang (tamar al-jam') ". Maka berkata Rasulullah, "Jangan kamu lakukan demikian, tetapi juallah tamar al-jam' dengan dirham, kemudian kamu belilah dengan dirham tersebut akan tamar janib". Berdasarkan hadis di atas, Nabi menegah perbuatan wakil baginda di Khaibar yang menukarkan tamar al-jam' untuk memperoleh tamar janib dengan sukatan yang berbeza kerana ia merupakan riba yang diharamkan iaitu pertukaran barang ribawi yang sama jenis dengan kuantiti (sukatan) yang berbeza.

Kemudian Nabi telah memberikan penyelesaian dengan mengarahkannya supaya menjual tamar al-jam' untuk mendapatkan dirham, lalu menggunakan dirham tersebut untuk membeli tamar janib. Ini bermakna akad jual beli hanyalah sebagai wasilah untuk merealisasikan tujuan sebenar iaitu mendapatkan tamar janib. Lagipun di dalam hadis tersebut Nabi tidak memperincikan sama ada jual beli tersebut boleh berlaku di antara dua pihak yang sama ataupun melibatkan pihak yang lain. Ini menunjukkan bahawa harus wakil tersebut (A) menjual dua gantang tamar al-jam' dengan nilai dirham kepada pembelinya (B), kemudian dia membeli pula satu gantang tamar janib daripada B ataupun orang lain (C). Jelaslah bahawa memperoleh dirham bukanlah maksud sebenar urusniaga tersebut, bahkan akad jual beli hanyalah sebagai wasilah untuk mendapatkan tamar janib. Dalam konteks bay' al-'inah pula, akad jual beli barang adalah sebagai wasilah juga untuk mendapatkan duit tunai, dan bukannya ma'qud 'alaih itu sendiri.

3. Qiyyas Para ulama' sepakat bahawa jika suatu barang dijual dengan harga yang sama dengan harga jualan pertama atau lebih tinggi, hukumnya adalah harus. Maka dalam konteks bay' al-'inah, hukum menjual barang yang sama dengan harga yang lebih rendah juga adalah harus apabila diqiyaskan dengan masalah di atas. Dalam hal ini Imam Syafie ada berkata: " Apabila sebahagian sahabat Nabi berselisih pendapat dalam suatu perkara, sebahagiannya menyatakan begini, sebahagian yang lain pula mencanggahinya, maka usul yang kami pegang ialah kami akan menerima pendapat yang disokong oleh qiyas...."

4. Dalil Logika (Ma‘qul) Bay‘ al-‘inah pada zahirnya adalah akad yang sempurna rukun dan syarat-syaratnya, sekalipun akad tersebut boleh membawa kepada kefasadan. Oleh itu hukumnya adalah harus.

## HUJAH GOLONGAN YANG MENOLAK KEHARUSAN BAY' AL-'INAH

### 1. Hadis Peringatan tentang Bay' al-'Inah

Terjemahan: Daripada Ibn 'Umar r.a. berkata, aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda; "Apabila kamu berjual beli dengan al-'inah, kamu mengikuti ekor lembu dan kamu cenderung kepada pertanian lalu kamu meninggalkan jihad , nescaya Allah akan menimpakan kehinaan ke atas kamu dan Dia tidak akan mencabutnya daripada kamu hingga lah kamu kembali kepada agama kamu. Hadis sahih di atas menunjukkan pengharaman bay' al-'inah kerana akad ini merupakan antara faktor turunnya bala Allah s.w.t. ke atas manusia. Dalam perbicangan ilmu Usul Fiqh, jika sesuatu perkara atau perbuatan itu diikuti dengan ancaman dosa, azab atau bala maka ia menunjukan bahawa perkara tersebut adalah ditegah dalam Islam.

## 2. Athar Para Sahabat dan Tabi'in Pertama: Saidatuna 'Aisyah r.a.

Terjemahan : Daripada Ibn Ishaq al-Subay'i, daripada isterinya bahawa dia telah menemui 'Aisyah dan masuk bersamanya ummu walad Zayd Bin Arqam lalu berkata; "Wahai Ummu al-Mu'min, sesungguhnya aku telah menjual seorang hamba kepada Zayd Bin Arqam dengan harga lapan ratus dirham secara tangguh. Dan aku kemudiannya membelinya semula dengan harga enam ratus dirham secara tunai". Maka berkata 'Aisyah kepadanya; "Itu adalah seburuk-buruk jual beli yang engkau lakukan. Sampaikan kepada Zayd bahawa dia telah membatalkan (pahala) jihadnya bersama Rasulullah jika dia tidak bertaubat". Perkataan 'Aisyah itu telah membuatkan sahabat kami terdiam lalu ia tidak berkata-kata agak lama. Kemudian setelah dia menerima kata-kata 'Aisyah itu lalu dia berkata; "Apakah pandangan puan jika saya hanya mengambil modalku sahaja?" Lalu 'Aisyah membacakan firman Allah yang bermaksud : maka sesiapa yang telah didatangi akan peringatan daripada Tuhananya lalu ia behenti(meninggalkannya) maka baginya adalah modalnya dan urusannya adalah diserahkan kepada Allah [Al-Baqarah : 275]. Berdasarkan athar di atas Ibnu Qudamah telah menegaskan bahawa bay' al-'inah adalah ditegah kerana Saidatina 'Aisyah tidak akan berkata dengan sedemikian tegas kecuali kerana adanya tawqif yang beliau dengar sendiri daripada Rasulullah s.a.w.

## Kedua: Anas Bin Malik r.a.

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Anas, bahawa beliau telah ditanya berkenaan al-'inah, maka beliau berkata : Sesungguhnya Allah swt tidak boleh ditipudaya. Ini (al-'inah) adalah daripada apa yang diharamkan oleh Allah dan rasulNya. Ketiga : Ibnu 'Abbas r.a. قال ابن عباس : اتقوا هذه العينة. لا تبع دراهم وبينهما حريرة.

Terjemahan: Takutlah (hindarilah) akan al-'inah. Janganlah kamu berjual-beli(bertukar) beberapa dirham dengan beberapa dirham dan antara kedua-duanya ada secebis sutera (sebagai barang perantara). Selain daripada para sahabat di atas, terdapat kalangan kibar Tabi'in yang turut mengharamkan bay' al-'inah, antaranya Hasan Basri, Ibn Sirin, al-Sya'bi, al-Nakha'i dan Rabi'ah bin 'Abd al-Rahman.

3. Ijma' Lanjutan daripada dalil-dalil di atas, berkata Ibn Qayyim : "Sesungguhnya para sahabat seperti 'Aisyah, Ibn 'Abbas dan Anas telah memfatwakan keharaman bay' al-'inah dan bersikap keras dalam perkara tersebut pada masa dan situasi yang berbeza-beza, dan tidak datang daripada kalangan sahabat yang merukhsahkannya / memberi kelonggaran terhadap muamalah ini, maka ini menunjukkan telah berlakunya ijma' di kalangan mereka dalam pengharaman bay' al-'inah."

Secara ringkasnya, terdapat dua aliran berkenaan masalah ini dalam al-Fiqh al-Islami :

Aliran Pertama : Mazhab Syafie dan Abu Hanifah berpandangan, yang diambil kira dalam akad ialah lafaz, bukannya niat dan motif. Oleh itu, aliran ini menegaskan bahawa setiap akad dihukum berdasarkan sighah atau lafaznya. Ini bermakna, sah atau fasadnya sesuatu akad itu bergantung pada sighahnya dan akad tidak rosak kerana faktor-faktor luar daripadanya, sekalipun niat dan tujuan itu boleh dikesan melalui amaratnya.

Aliran Kedua : Mazhab Ahmad dan Malik pula meraikan niat dan motif dalam akad, bukannya sekadar lafaz atau sighahya sahaja. Berkenaan masalah ini Ibn Qayyim telah mengupasnya dengan terperinci yang dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Jika niat pihak yang berakad bertepatan dengan ucapannya, akad itu adalah sah dan boleh menimbulkan kesan-kesan syarak.

2. Jika niat dan ucapannya tidak selari, tetapi tidak wujud satupun petunjuk yang menzahirkan niatnya, maka pihak yang berakad hanya dibalas dihadapan Allah s.w.t. (diyanatan), tetapi ucapannya diterima dalam sesuatu akad.
3. Jika terdapat qarinah yang boleh menyingkap maksud dan tujuan, tetapi niat tersebut tidak bercanggah dengan syarak, maka hukum akadnya adalah sah. Namun, jika didapati bercanggah maka akad menjadi rosak dan tidak boleh menimbulkan sebarang kesan. Dalam kaitannya dengan bay' al-'inah, Mazhab Syafie tidak mengambil kira niat pihak yang berakad, sebaliknya melihat kepada perkara-perkara yang zahir sahaja. Memandangkan jual beli tersebut pada zahirnya sempurna rukun dan syarat-syaratnya, maka ia dihukumkan sah.

Bagi aliran yang kedua pula, sesiapa yang berakad dengan tujuan riba, tetapi menggunakan akad jual beli sebagai dhari'ah, maka dia berdosa di sisi Allah s.w.t. dan akadnya pula terbatal atas dasar sadd al-dharai'.

# BAY'AL-TAWARRUQ

Jual beli yang melibatkan tiga pihak, ketika pemilik barang menjual barangnya kepada pembeli pertama dengan harga dan pembayaran tunda, dan kemudian pembeli pertama menjual kembali barang tersebut kepada pembeli akhir dengan harga dan pembayaran tunai. Harga tunda lebih tinggi dari harga tunai, sehingga pembeli pertama seperti mendapatkan pinjaman uang dengan pembayaran tunda.


Jualan tunai barang atau aset yang dibeli secara ansuran. Di dalam sistem pembiayaan Islam, ia adalah perkiraan di mana seseorang membeli barang atau aset dari bank dengan pelan pembayaran tertangguh, kemudian menjualnya dengan segera untuk mendapatkan wang.

Ia juga dikenali sebagai "komoditi murabahah". Tawarruq juga adalah cara kewangan yang melibatkan kontrak jualan tiga pihak (triparte) di mana satu pihak iaitu pembeli (pihak pertama) membeli aset daripada penjual (pihak kedua) bagi pembayaran tertunda dan kemudian menjualnya kepada pihak ketiga dengan wang tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga tertunda.

Tawarruq adalah merujuk kepada transaksi jual beli komoditi atau aset berdasarkan pembayaran tangguh secara Murabahah (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) atau Musawamah (iaitu jual beli yang tidak mendedahkan harga kos aset dan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi atau aset tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai.

Ia juga dikenali sebagai Komoditi Murabahah.

Kebiasaannya, konsep ini digunakan dalam struktur produk deposit, pembiayaan, pengurusan aset dan tanggungan risiko.



# Kontrak Perkongsian

# MUDHARABAH

Satu perjanjian yang dibuat antara 2 pihak, yang pertama untuk menyediakan modal (pembiaya) dan yang kedua (Mudarib), menggunakan kepintaran dalam perniagaan, untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan. Nisbah perkongsian untung dipersetujui sebelum perniagaan dimulakan. Kerugian modal yang ditanggung oleh pembiaya. Dalam mana-mana produk deposit perbankan Islam biasanya, ia merujuk kepada perjanjian perkongsian keuntungan antara Bank dan pendeposit untuk Bank untuk melabur dana pendeposit untuk menjana keuntungan.

Suatu perjanjian antara pemodal (rabbul mal) yang memberi 100% modal untuk perniagaan dengan usahawan (mudharib) yang menguruskan perniagaan dengan menggunakan kepakarannya. Di bawah kontrak ini, keuntungan yang diperoleh akan dibahagikan antara mereka mengikut nisbah yang dipersetujui sebelumnya, sementara sebarang kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal.

Merujuk kepada kerjasama diantara dua pihak, dimana satu pihak merupakan penyumbang modal dan satu lagi sebagai pengusaha. Keuntungan dibahagikan kepada kedua-dua pihak mengikut kadar yang telah dipersetujui manakala kerugian akan ditanggung oleh pemilik modal sahaja.

Contoh Produk: General Investment Account-i

Mudarabah merupakan sebuah kontrak yang melibatkan Rabbul Mal selaku pelabur yang menyediakan modal, dan Mudarib selaku pengusaha yang menjalankan usaha niaga tersebut.

Sebarang keuntungan yang terhasil daripada usaha niaga tersebut akan dikongsi antara pelabur dan pengusaha berdasarkan kepada nisbah perkongsian keuntungan seperti yang dipersetujui, manakala sebarang kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur. Pengusaha menanggung kerugian dari aspek masa dan tenaga

# MUSYARAKAH

Pembentukan Islam merujuk kepada perkongsian antara 2 (dua) pihak, di mana kedua-duanya menyediakan modal ke arah pembentukan projek. Kedua-dua pihak berkongsi keuntungan pada nisbah yang telah dipersetujui, tetapi kerugian akan dikongsi bersama berdasarkan asas penyertaan ekuiti. Dalam erti kata lain, ia adalah kontrak perkongsian keuntungan usahasama antara Bank dan pengusaha projek yang berkaitan. Semua pihak termasuk Bank mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam pengurusan projek.

Musyarakah merupakan kontrak perkongsian antara dua pihak atau lebih untuk membiayai sesuatu perniagaan di mana semua pihak yang terlibat menyumbangkan modal sama ada dalam bentuk tunai atau lain-lain.

Keuntungan daripada perkongsian tersebut akan dikongsi bersama berdasarkan nisbah yang dipersetujui, manakala kerugian akan ditanggung bersama berdasarkan nisbah sumbangan modal masing-masing.



# Terima Kasih